



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
(dibacakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN)**

PROGRAM

**SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KANSER SERVIKS
PERINGKAT KEBANGSAAN 2026**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN SUARAH, SRI AMAN, SARAWAK
25 JANUARI 2026 (AHAD)
10.00 PAGI**

Kemaskini 21 Januari 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Salam Malaysia MADANI dan Salam KASIH Keluarga

SALUTASI

(Akan dikemukakan kemudian)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita diberi kesempatan untuk berhimpun di sini sempena **Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks Peringkat Kebangsaan 2026**.
2. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) selaku agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) atas penganjuran program yang cukup bermakna ini, serta komitmen berterusan dalam memperkasa kesihatan wanita di seluruh negara.

LATAR BELAKANG

3. **Sambutan Bulan Kesedaran Kanser Serviks** disambut pada bulan Januari setiap tahun di seluruh dunia. Sambutan ini bukan sahaja satu acara tahunan yang penting, malah berfungsi sebagai platform untuk kita semua khususnya golongan wanita untuk lebih peka dan memahami kepentingan pencegahan serta pengesanan awal kanser serviks.
4. KPWKM melalui LPPKN sentiasa memberikan perhatian berterusan terhadap kesejahteraan kesihatan wanita, sejajar dengan usaha memperkukuh pencegahan kanser serviks. Melalui inisiatif ini, kita berharap lebih ramai wanita akan tampil untuk menjalani saringan

kanser serviks melalui ujian HPV DNA dengan sasaran sekurang-kurangnya 32,000 wanita akan disaring pada tahun 2026.

USAHA ELIMINASI KANSER SERVIKS

5. Dari tahun 2019 hingga Disember 2025, saringan ujian HPV DNA oleh LPPKN seramai **198,001 wanita** telah menjalani ujian ini.

Daripada jumlah itu:

- **15,315 kes positif HPV** telah dikesan,
- **210 kes pra-kanser** dikenal pasti dan dirujuk ke hospital, dan
- **24 kes kanser serviks** telah dirawat.

6. Bagi Sarawak, **53,099 wanita** telah menjalani ujian ini dan **4,368 kes** telah dikenal pasti sebagai kes positif HPV. Manakala **91 kes disahkan pra-kanser** dan **10 kes kanser serviks** telah dilaporkan. Walau banyak kes positif HPV telah dikesan, kita berjaya mencegah lebih banyak kes daripada menjadi kanser melalui pengesanan awal.
7. Sebelum ini, Kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan Jelajah Eliminasi Kanser Serviks di negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di Sarawak, Kampung Santubong di Kuching telah dipilih sebagai projek rintis untuk lokaliti pertama yang dieliminasi di mana semua wanita yang layak selesai disaring menjelang tahun 2027. Sehingga Disember 2025, seramai 240 wanita (36.5%) telah disaring dan 30 kes positif HPV telah dikenal pasti.

PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI DUTA ETNIK

8. Menurut Tinjauan Pendapat Umum LPPKN pada Januari 2025, 95.7 peratus (%) tahu dan mempunyai kesedaran bahawa kanser serviks boleh dikesan dan dicegah dengan pengesanan awal. Namun, daripada tinjauan tersebut hanya 54.1 peratus (%) sahaja yang telah menjalani saringan kanser serviks. 45.9 peratus (%) responden wanita tidak pernah menjalani saringan ini. Satu jurang yang kita perlu tangani bersama.
9. Sebagai langkah strategik, pelaksanaan program untuk tahun 2026 akan menumpukan saringan ujian HPV DNA menerusi '**Pemeriksaan Komuniti Melalui Duta Etnik**'. Tumpuan ini adalah sebagai satu

langkah mencapai eliminasi kanser serviks dalam kalangan semua wanita khususnya wanita di komuniti Orang Asli atau etnik di kawasan pedalaman dan komuniti terpencil.

10. Pemerkasaan ini merupakan pendekatan kepada komuniti melalui pelantikan duta atau wakil daripada setiap komuniti, etnik, Persatuan Etnik atau NGO berasaskan etnik dalam usaha meningkatkan kesedaran serta keyakinan wanita untuk menjalani saringan. Wakil yang dilantik berpeluang untuk menyampaikan sesi menggunakan dialek etnik atau bahasa daerah masing-masing bagi memudahkan penyampaian maklumat, mengurangkan stigma dan meningkatkan penerimaan kumpulan sasar.

11. Untuk tujuan ini, bagi Negeri Sarawak dianggarkan **50 wakil** duta etnik dan NGO Sarawak telah dikenal pasti dan akan dilantik serta dilatih untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 5 sesi kesedaran kanser serviks di komuniti atau kawasan masing-masing. Usaha ini diharapkan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain untuk memperluas capaian program secara menyeluruh kepada kaum wanita di negeri masing-masing.

SERUAN KEPADA SEMUA

12. Kesihatan wanita merupakan tunjang utama kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Saringan dan pengesanan awal adalah kunci untuk mencegah risiko yang lebih besar, lonjakan untuk

memastikan hasil terbaik pada masa hadapan. Kesihatan wanita jua sentiasa diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan. Tindakan pencegahan bersama yang tersayang bukan sahaja melindungi wanita, bahkan menyumbang kepada kesejahteraan negara secara keseluruhan.

13. Tahun ini, Kementerian bersama LPPKN meneruskan usaha untuk meningkatkan saringan awal kanser serviks dengan menyediakan saringan ujian HPV DNA secara percuma kepada wanita berumur 30 hingga 65 tahun di 50 Klinik Nur Sejahtera LPPKN seluruh Malaysia. Saya menyeru kepada semua wanita layak agar mengambil peluang untuk segera menjalani saringan ini.

14. Mulai Januari 2026, semua sampel bagi saringan ujian HPV DNA oleh wanita Sarawak dan Sabah akan dihantar dan diproses di Makmal Molekular LPPKN yang bertempat di Pusat Keluarga LPPKN Sarawak di Wisma Sego, Kuching. Makmal ini merupakan makmal pertama yang dibuka di Sarawak untuk menjalankan analisis sampel ujian HPV DNA. Dengan adanya makmal ini, tempoh masa bagi mendapat keputusan dapat dipercepatkan dan kapasiti menganalisis saringan dapat ditingkatkan khususnya bagi masyarakat di Sarawak.

PENUTUP

15. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir sebagai peserta. Penghargaan juga kepada

semua pihak yang telah menjayakan program ini, khususnya LPPKN serta agensi-agensi di bawah KPWKM, Jabatan Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), serta rakan strategik dan rakan media yang tidak pernah jemu membuat liputan dan sentiasa menyokong program dan usaha KPWKM selama ini. Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan dan diperkukuhkan demi kesejahteraan wanita dan keluarga Malaysia.

16. Kanser serviks adalah penyakit yang boleh dicegah dan dirawat. Pengesanan awal adalah langkah penting dalam melindungi nyawa. Perjuangan melawan kanser serviks adalah tanggungjawab kita bersama. **Cepat Tahu, Cepat Tindak.**

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan
**SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KANSER SERVIKS KEBANGSAAN
2026.**

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamua'laikum W.B.T.

Sekian. Terima Kasih.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
25 Januari 2026